

## **Optimum penggunaan RAC**

---

Kementerian Pengangkutan mahu mengoptimumkan penggunaan aset Perbadanan Aset Keretapi (RAC) memandangkan kekerapan penggunaannya ketika ini sekitar 40 peratus.

Menterinya Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, kerajaan melihat situasi berkenaan sebagai merugikan kerana kos tinggi dibelanjakan untuk mewujudkan jaringan pengangkutan rel yang baik, cepat dan selamat namun penggunaannya tidak mencapai tahap optimum.

Katanya, buat masa ini, penggunaan aset dan infrastruktur kereta api yang dimiliki RAC hanya dikendalikan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) selaku operator tunggal.

“Justeru, kerajaan mengharapkan lebih banyak operator berpotensi menonjolkan diri dan menikmati apa yang ditawarkan industri rel di negara ini termasuk RAC selaku pemilik aset serta infrastruktur kereta api.

“Dengan adanya pembabitan pengendali kereta api lain, penggunaan aset dan infrastruktur kereta api dapat dimaksimumkan selain mewujudkan persaingan sihat,” katanya.

---

**SUMBER: HARIAN METRO | M/S: 40 | 19 SEPTEMBER 2017**